



**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**(PERLEMBAGAAN I)**

**PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT  
BAGI MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

---

**CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM**

**(CONST. I)**

**STANDING ORDERS OF THE LEGISLATIVE COUNCIL**

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**(PERLEMBAGAAN I)**

**PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT  
BAGI MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

---

**CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM**

**(CONST. I)**

**STANDING ORDERS OF THE LEGISLATIVE COUNCIL**

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**(PERLEMBAGAAN I)**

**PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT  
BAGI MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

**S 104/59**

Dipinda oleh

S 81/66

S 20/05

# CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM

(CONST. I)

## STANDING ORDERS OF THE LEGISLATIVE COUNCIL

**S 104/59**

Amended by

S 81/66

S 20/05

## **PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT BAGI MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

### **SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT**

#### **Peraturan Mesyuarat**

1. Tafsiran.
2. Mesyuarat dan persidangan.
3. Perintah harian.
4. Susunan urusan.
5. Waktu bermesyuarat.
6. Minit mesyuarat.
7. Notis dan tujuan pertanyaan dan syarat-syarat berkenaan dengannya.

#### **ATURAN-ATURAN PERBAHASAN**

8. Masa dan cara bercakap.
9. Bila Ahli boleh bercakap lebih dari sekali.
10. Menyampuk.
11. Memberi penerangan bagi pihak dirinya sendiri.
12. Isi kandungan ucapan.
13. Skop perbahasaan.
14. Mendahulukan.

#### **ATURAN-ATURAN MESYUARAT**

15. Keputusan Yang Di-Pertua atau Pengerusi muktamad.
16. Tingkahlaku Ahli-Ahli yang tidak bercakap.

# **STANDING ORDERS OF THE LEGISLATIVE COUNCIL**

## **ARRANGEMENT OF STANDING ORDERS**

### **Standing Order**

1. Interpretation.
2. Meetings and sittings.
3. Orders of the day.
4. Order of business.
5. Hour of assembly.
6. Minutes of proceedings.
7. Notice and object of questions and conditions relating thereto.

### **RULES OF DEBATE**

8. Time and manner of speaking.
9. Occasions when a Member may speak more than once.
10. Interruptions.
11. Personal explanation.
12. Contents of speeches.
13. Scope of debates.
14. Anticipation.

### **RULES OF ORDER**

15. Decision of Speaker or Chairman final.
16. Behaviour of Members not speaking.

17. Kelakuan dalam Majlis.

### USUL DAN PINDAAN KEPADANYA

18. Notis usul.

19. Usul tanpa notis.

20. Meminda usul.

21. Menyokong usul dan pindaan kepadanya.

22. Cara untuk membahaskan usul.

23. Mengundi.

24. Undi bertulis.

25. Komiti.

25A. [S 81/66] *Digantung.*

26. Rekod dan kertas Majlis.

27. Bacaan pertama Rang Undang-Undang.

28. Bacaan kedua Rang Undang-Undang.

29. Komiti Majlis kesemuanya.

30. Komiti Terpilih.

31. Bacaan ketiga Rang Undang-Undang.

32. Penyiaran Akta.

33. Hak diri sendiri.

34. Prosedur untuk mengemukakan Petisyen.

35. Penangguhan.

### RAMPAIAN

36. Orang ramai dan wakil-wakil akhbar hendaklah dibenarkan masuk.

37. Orang-orang yang bukan Ahli boleh diperintahkan keluar.

38. Perkara-perkara yang tidak diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat.

17. Conduct in Council.

## MOTIONS AND AMENDMENTS THERETO

18. Notice of motions.
19. Motions without notice.
20. Amendment of motions.
21. Seconding of motions and amendments thereto.
22. Manner of debating motions.
23. Collection of voices.
24. Divisions.
25. Committees.
- 25A. *[S 81/66] Suspended.*
26. Records and papers of the Council.
27. First reading of Bills.
28. Second reading of Bills.
29. Committee of the whole Council.
30. Select Committee.
31. Third reading of Bills.
32. Publication of Acts.
33. Private rights.
34. Procedure on presentation of Petitions.
35. Adjournment.

## MISCELLANEOUS

36. Admission of public and press.
37. Withdrawal of strangers.
38. Matters not provided for in Standing Orders.

## PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT BAGI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

*Permulaan kuatkuasa: 29hb September 1959*

### **Tafsiran.**

1. Dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini —

“dicetak” termasuk pengeluaran semula dengan cetakan rota, atau siklostil atau dengan menggunakan mesin taip;

“Jurutulis” bermakna Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Negara;

“Majlis” bermakna Majlis Mesyuarat Negara yang ditubuhkan oleh Perkara 23 dari Perlembagaan;

“Perlembagaan” bermakna Perlembagaan Negara Brunei Darussalam;

“Yang Di-Pertua”, sebelum seorang Yang Di-Pertua dilantik, atau jika tidak ada lantikan seorang Yang Di-Pertua, bermakna Perdana Menteri dan, dalam salah satu hal, termasuk seorang Ahli yang mempengerusikan mesyuarat menurut peruntukan-peruntukan Perkara 38 dari Perlembagaan.

### **Mesyuarat dan persidangan.**

2. (1) Dalam sebarang Musim Permesyuaratan Majlis yang diadakan menurut Perkara 52 dari Perlembagaan, mesyuarat dan persidangan Majlis boleh diadakan:

Dengan syarat bahawa mesyuarat Majlis yang belum ditetapkan atau dipersetujui oleh Majlis tidak boleh diadakan melainkan jika Jurutulis telah, dengan arahan Yang Di-Pertua, memberi notis secara bertulis sekurang-kurangnya 7 hari kepada tiap-tiap Ahli mengenai tarikh mesyuarat atau persidangan itu.

(2) Jika hari yang ditetapkan untuk mengadakan sesuatu mesyuarat atau persidangan tidak bersesuaian, Yang Di-Pertua boleh menangguhkan mesyuarat atau persidangan itu pada hari lain yang sesuai; dan selepas itu Jurutulis hendaklah memberi notis secara bertulis sekurang-kurangnya 2 hari kepada tiap-tiap Ahli mengenai mesyuarat atau persidangan yang ditangguhkan itu, jika boleh berbuat demikian.

(3) Tiap-tiap Ahli hendaklah hadir pada tiap-tiap persidangan, melainkan jika dia telah memaklumkan Jurutulis yang dia tiada upaya untuk hadir.

## STANDING ORDERS OF THE LEGISLATIVE COUNCIL

*Commencement: 29th September 1959*

### **Interpretation.**

1. In these Standing Orders —

“printed” includes reproduction by rota-print, or cyclostyle or by the use of a typewriter;

“Clerk” means the Clerk to the Legislative Council;

“Council” means the Legislative Council established by Article 23 of the Constitution;

“Constitution” means the Constitution of Brunei Darussalam;

“Speaker”, prior to the appointment of a Speaker, or if there is no subsisting appointment of a Speaker, means the Prime Minister and, in either case, includes a Member presiding in accordance with the provisions of Article 38 of the Constitution. Meetings and sittings.

### **Meetings and sittings.**

2. (1) During any session of the Council held pursuant to Article 52 of the Constitution, meetings and sittings of the Council may be held:

Provided that no meeting of the Council not already fixed or agreed by the Council shall be held unless the Clerk shall, by direction of the Speaker, have given to each Member at least 7 days notice in writing of the date of such meeting or sitting.

(2) Should it become inconvenient to hold a meeting or sitting on the day appointed therefor, the Speaker may postpone the meeting or sitting to another convenient day; and thereupon the Clerk shall give to each Member at least 2 days notice in writing of such postponed meeting or sitting, if it is reasonably practicable to do so.

(3) No Member shall absent himself from a sitting of the Council without communicating to the Clerk his inability to attend.

## **Perintah harian.**

3. Urusan yang hendak dijalankan pada mana-mana mesyuarat Majlis hendaklah ditetapkan oleh Jurutulis.

## **Susunan urusan.**

4. (1) Jika boleh, notis mengenai urusan yang hendak dijalankan, dan satu salinan minit mesyuarat yang dahulu, hendaklah diserahkan kepada tiap-tiap Ahli, sekurang-kurangnya 4 hari sebelum mengadakan mesyuarat yang akan datang.

(2) Susunan Urusan pada mana-mana mesyuarat hendaklah menurut tertib di bawah ini —

- (a) Membaca doa;
- (b) Mengangkat sumpah;
- (c) Membetulkan Minit;
- (d) Perutusan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;
- (e) Ucapan Yang Di-Pertua;
- (f) Mengemukakan petisyen dan surat rayuan;
- (g) Memberi penerangan bagi pihak dirinya sendiri;
- (h) Membentangkan Kertas-Kertas;
- (i) Notis usul (diberikan secara lisan);
- (j) Pertanyaan;
- (k) Pernyataan daripada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri;
- (l) Usul-usul selain dari usul-usul berkenaan dengan peringkat-peringkat Rang Undang-Undang; dan
- (m) Rang Undang-Undang.

(3) Dengan tidak menghiraukan perenggan (2), Majlis boleh mengambil keputusan khas untuk menjalankan sebarang urusan dengan tidak mengikut tertib susunan yang telah ditetapkan itu atau menangguhkan urusan tersebut pada persidangan lain, dan usul hendak mengambil keputusan sedemikian boleh dibawa tanpa notis dan usul itu hendaklah diselesaikan terlebih dahulu dari semua urusan lain.

## Orders of the day.

3. The business to be dealt with at any meeting of the Council shall be settled by the Clerk.

## Order of business.

4. (1) Whenever possible, notice of the business to be dealt with, and a copy of the minutes of the preceding meeting, shall be delivered to each Member so that not less than 4 days shall elapse between the delivery of such notice and the day of the meeting of the Council.

(2) The Order of Business at any meeting shall be —

- (a) Prayers;
- (b) Oaths;
- (c) Corrections to minutes;
- (d) Messages from His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan;
- (e) Communications by the Speaker;
- (f) Presentation of petitions and memorials;
- (g) Personal explanations;
- (h) Papers to be laid;
- (i) Notices of motions (given orally);
- (j) Questions;
- (k) Statements by the Members of the Council of Ministers;
- (l) Motions other than those in relation to the progress of Bills; and
- (m) Bills.

(3) Notwithstanding paragraph (2), the Council may by specific vote determine to proceed to any particular business out of the regular order or postpone such business to any future sitting of the Council, and a motion for such a vote may be made without notice and shall take precedence over all other business.

### **Waktu bermesyuarat.**

5. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Fasal (2) Perkara 52 dari Perlembagaan, waktu persidangan Majlis hendaklah ditetapkan oleh Yang Di-Pertua setelah berunding dengan Majlis atau mana-mana Komite Terpilih yang diberikuasa bagi maksud itu.

(2) Yang Di-Pertua boleh pada bila-bila masa menggantung persidangan atau menangguhkan mesyuarat Majlis.

### **Minit mesyuarat.**

6. (1) Jurutulis hendaklah menyimpan suatu Jurnal dan dalam Jurnal itu hendaklah dimasukkan Minit Mesyuarat Majlis dan hendaklah mengedarkan kepada tiap-tiap Ahli satu salinan Minit itu pada hari keesokannya setelah Majlis bersidang, atau dengan seberapa segera yang boleh selepas itu.

(2) Minit Mesyuarat hendaklah mencatatkan semua keputusan yang diambil oleh Majlis dan perkara-perkara lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Yang Di-Pertua, dan Minit itu hendaklah ditandatangani oleh Yang Di-Pertua.

(3) Mana-mana Ahli yang ingin menarik perhatian kepada sebarang perkara yang terkandung dalam Minit Mesyuarat yang dikatakannya tidak betul, boleh berbuat demikian hanya setelah Ahli itu memberi penerangan bagi pihak dirinya sendiri pada masa yang diperuntukkan dalam perenggan (2) Peraturan Mesyuarat 4. Seseorang Ahli yang berbuat demikian hendaklah menghadkan dirinya dengan menunjukkan catatan-catatan dalam Minit itu yang dikatakannya sebagai tidak betul dan hendaklah menyerahkan perkara itu kepada Yang Di-Pertua, dan terpulanglah kepada Yang Di-Pertua untuk mengambil apa-apa tindakan yang difikirkannya patut. Notis dan tujuan pertanyaan dan syarat-syarat berkenaan dengannya.

### **Notis dan tujuan pertanyaan dan syarat-syarat berkenaan dengannya.**

7. (1) Kecuali dengan kebenaran yang nyata daripada Yang Di-Pertua, tiada Ahli boleh membuat sesuatu pertanyaan melainkan jika dia telah memberikan notis secara bertulis mengenai pertanyaan itu berserta dengan teksnya kepada Jurutulis tidak kurang dari 7 hari sebelum hari yang ditetapkan bagi mesyuarat Majlis yang hendak dihadapkan pertanyaan itu.

(2) Semua pertanyaan itu hendaklah dimasukkan oleh Jurutulis dalam buku yang dipanggil "Buku Pertanyaan dan Usul" yang disimpan oleh Jurutulis. Pertanyaan yang diberitahu dahulu kepada Jurutulis hendaklah dimasukkan dahulu dan pertanyaan yang kemudian hendaklah dimasukkan kemudian, dan demikianlah jua peraturannya ketika pertanyaan-pertanyaan itu dijawab.

### **Hour of assembly.**

5. (1) Subject to the provisions of Clause (2) of Article 52 of the Constitution, the hours of sitting of the Council shall be fixed by the Speaker after consultation with the Council or any Select Committee thereof authorised in that behalf.

(2) The Speaker may at any time suspend a sitting or adjourn the Council.

### **Minutes of proceedings.**

6. (1) The Clerk shall keep a Journal in which shall be entered the minutes of proceedings of the Council and shall circulate a copy of such minutes to every Member on the day following each sitting of the Council, or as soon after as possible.

(2) The minutes of proceedings shall record all decisions of the Council and such other matters as the Speaker may direct, and shall be signed by the Speaker.

(3) Any Member who wishes to draw attention to any matter contained in the minutes of proceedings which he alleges is not correct, may only do so upon a personal explanation at the time provided in paragraph (2) of Standing Order 4. A Member so doing shall confine himself to pointing out the entries in the minutes which he alleges to be incorrect and shall submit the matter to the Speaker, who may take such action as he thinks fit.

### **Notice and object of questions and conditions relating thereto.**

7. (1) Except with the express approval of the Speaker, no Member shall ask a question unless he shall have given notice in writing of such question together with the text thereof to the Clerk not less than 7 days before the day appointed for the meeting of the Council at which such question is to be asked.

(2) All such questions shall be entered in order of priority of notice in a book to be called the "Question and Motion Book", which shall be kept by the Clerk, and shall ordinarily be answered in that order.

(3) Seseorang Ahli yang berkehendakkan pertanyaannya itu dijawab secara lisan hendaklah menulis “Jawapan lisan” pada notis yang diberikan olehnya. Jika pertanyaan itu tidak ditulis demikian, Ahli yang menjawab pertanyaan itu akan menghantar jawapan bertulis melalui Jurutulis.

(4) Tujuan sesuatu pertanyaan itu yang sebenarnya adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu perkara fakta yang di dalam tanggungjawab Kerajaan dan sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dijadikan helah untuk menimbulkan perbahasan.

(5) Tanpa menjejaskan perenggan (4), pertanyaan-pertanyaan mestilah mematuhi syarat-syarat yang berikut —

(a) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh menyebutkan nama siapa-siapa atau keterangan yang sebenarnya tidak mustahak bagi menerangkan maksud pertanyaan itu;

(b) jika sesuatu pertanyaan itu mengandungi sesuatu keterangan, Ahli yang bertanya itu mestilah bertanggungjawab terhadap kesahihan keterangan itu;

(c) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh mengandungi apa-apa hujah, sangkaan, tohmah, sendi nama yang membayangkan keburukan kelakuan orang atau kalimah-kalimah menyindir;

(d) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh meminta pendapat atau jalan menyelesaikan sesuatu masalah undang-undang atau masalah lain yang dalam kira-kira atau agak-agak sahaja, bukan sebenar;

(e) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh menyentuh sifat atau kelakuan mana-mana orang kecuali sifat atau kelakuan sebagai pegawai yang memegang sesuatu jawatan rasmi;

(f) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh membayangkan keburukan sifat atau kelakuan mana-mana orang yang sifat atau kelakuannya itu hanya boleh dicabar atas usul substantif;

(g) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh mengenai sebarang perkara yang masih dalam pertimbangan mahkamah;

(h) sesuatu pertanyaan yang telah dijawab sepenuhnya tidak boleh dihadapkan lagi dalam Musim Permesyuaratan yang sama.

(3) A Member who desires an oral answer to a question shall mark his notice "Oral reply". If the question is not so marked, the Member answering the question shall submit a written reply through the Clerk.

(4) The proper object of a question is to obtain information on a matter of fact within the special cognizance of the Government and a question must not be made the pretext for a debate.

(5) Without prejudice to the foregoing, questions must comply with the following conditions —

(a) a question must not publish any name or statement not strictly necessary to make the question intelligible;

(b) if a question contains a statement, the Member asking it must make himself responsible for the accuracy of the statement;

(c) a question must not contain any argument, inference, imputation, epithet or ironical expression;

(d) a question must not ask for an expression of opinion or for the solution of an abstract legal question, or of a hypothetical question;

(e) a question shall not be asked as to the character or conduct of any person except in his official capacity;

(f) a question shall not be asked which reflects on the character or conduct of any person whose character or conduct can only be challenged on a substantive motion;

(g) a question shall not be asked on any matter which is *sub judice*;

(h) a question fully answered shall not be asked again in the same session.

(6) Dengan tidak menghiraukan sebarang apapun yang terkandung terdahulu daripada ini, mana-mana Ahli Rasmi Kerana Jawatan atau mana-mana Ahli yang memegang jawatan Kerajaan yang dihadapkan sesuatu pertanyaan boleh, dengan kebenaran Yang Di-Pertua, enggan menjawab pertanyaan itu atas alasan kepentingan awam dan keengganannya untuk menjawab pertanyaan itu tidak boleh dibahaskan atau dipersoalkan.

(7) Yang Di-Pertua sahaja yang akan memutuskan sama ada sesuatu pertanyaan itu boleh diterima atau tidak boleh diterima di bawah Peraturan-Peraturan Mesyuarat, dan boleh menolak sebarang pertanyaan jika pertanyaan itu melanggar sebarang Peraturan Mesyuarat. Yang Di-Pertua juga boleh menolak sebarang pertanyaan jika, pada pendapatnya, pertanyaan itu menyalahgunakan hak untuk menghadapkan pertanyaan atau dikira boleh menghalang atau menggendalakan prosedur Majlis.

(8) Penolakan sesuatu pertanyaan itu, dengan sebab-sebabnya, hendaklah disampaikan secara bertulis oleh Jurutulis kepada Ahli yang menghadapkan pertanyaan itu.

## ATURAN-ATURAN PERBAHASAN

### **Masa dan cara bercakap.**

8. (1) Tiap-tiap Ahli, kecuali Yang Di-Pertua, hendaklah berdiri bila bercakap dan menghalakan percakapannya itu kepada Yang Di-Pertua atau Pengerusi.

(2) Apabila Yang Di-Pertua atau Pengerusi bangun dalam masa Majlis bersidang sebagai Majlis, atau Komite Majlis kesemuanya, tiap-tiap Ahli lain hendaklah duduk.

(3) Jika 2 orang Ahli atau lebih berdiri serentak untuk bercakap, Ahli yang mesti dibenarkan bercakap oleh Yang Di-Pertua atau Pengerusi adalah Ahli yang mula-mula sekali terpancang olehnya.

(4) Apabila seseorang Ahli telah selesai bercakap, Ahli itu hendaklah duduk dan mana-mana Ahli lain yang ingin bercakap bolehlah bangun.

(5) Tiap-tiap Ahli hendaklah semasa bercakap seboleh-bolehnya jangan menyebut nama mana-mana Ahli lain.

(6) Seseorang Ahli tidak boleh membaca ucapannya, tetapi dia boleh membaca cabutan atau petikan dari buku-buku atau kertas-kertas bagi menyokong hujahnya, dan boleh melihat buku peringatan atau ringkasan yang ada padanya.

(6) Notwithstanding anything hereinbefore contained, any *ex-officio* Member or any Member who is a public officer to whom a question is addressed may, with the approval of the Speaker, refuse to answer such question on the ground of public interest and such refusal cannot be debated or questioned.

(7) The Speaker alone shall decide whether a question is or is not admissible under the Standing Orders, and may disallow any question if it infringes any of the Standing Orders. He may, moreover; disallow any question when, in his opinion, it is an abuse of the right of questioning or is calculated to obstruct or impede the procedure of the Council.

(8) Disallowance of a question, with the reasons therefor, shall be communicated in writing by the Clerk to the Member concerned.

## **RULES OF DEBATE**

### **Time and manner of speaking.**

8. (1) Every Member, except the Speaker, shall speak standing and shall address his observations to the Speaker or Chairman.

(2) When the Speaker or Chairman rises during proceedings in Council, or in Committee of the whole Council, every other Member shall be seated.

(3) If 2 or more Members rise at the same time to speak, the Speaker or Chairman shall call on the Member who first catches his eye.

(4) When a Member has finished speaking he shall resume his seat and any other Member wishing to speak shall rise.

(5) Every Member shall whenever possible avoid referring to another Member by name.

(6) A Member may not read his speech, but he may read extracts from books or papers in support of his argument, and may refresh his memory by reference to notes.

## **Bila Ahli boleh bercakap lebih dari sekali.**

9. (1) Seseorang Ahli tidak boleh bercakap lebih dari sekali berkenaan dengan sebarang perkara yang dibahaskan kecuali —

(a) dalam Komiti;

(b) bagi memberi penerangan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (2); atau

(c) dalam hal pencadang yang mengemukakan sesuatu usul substantif, bagi memberi jawapannya pada akhir perbahasan; tetapi pencadang yang mengemukakan pindaan kepada sesuatu usul tidaklah mempunyai hak untuk memberi jawapannya pada penutup perbahasan mengenai pindaan itu.

(2) Seseorang Ahli yang telah bercakap berkenaan dengan sesuatu perkara boleh, dengan kebenaran Yang Di-Pertua, memberikan keterangan berkenaan dengan mana-mana bahagian dari percakapannya yang kurang difahami oleh Ahli-Ahli lain; tetapi apabila Ahli itu memberi keterangan sedemikian dia tidaklah boleh mengemukakan sebarang perkara baru.

(3) Mana-mana Ahli boleh menyokong sesuatu usul atau pindaan dengan bangun serta menyatakan “Tuan, saya menyokong” dan dia boleh bercakap lagi kemudian dalam perbahasan berkenaan dengan usul atau pindaan itu.

## **Menyampuk.**

10. Seseorang Ahli tidak boleh menyampuk percakapan Ahli lain kecuali —

(1) hendak memberitahu bahawa Ahli lain itu telah melanggar peraturan mesyuarat, jika demikian Ahli yang sedang bercakap itu hendaklah duduk dan Ahli yang menyampuk percakapannya hendaklah dengan ringkasnya menarik perhatian kepada perkara yang hendak dibawanya ke pengetahuan hadirin dan menyerahkan perkara itu kepada Yang Di-Pertua atau Pengerusi untuk diputuskan; atau

(2) hendak menjelaskan sesuatu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli lain semasa Ahli lain itu bercakap, dengan syarat bahawa Ahli yang sedang bercakap itu bersetuju memberi laluan dan dia pun duduk.

## **Memberi penerangan bagi pihak dirinya sendiri.**

11. Dengan kebenaran Yang Di-Pertua, seseorang Ahli boleh memberi penerangan bagi pihak dirinya sendiri walaupun tiada apa-apa perkara dibahaskan di hadapan Majlis pada masa yang diperuntukkan dalam Peraturan Mesyuarat 4, tetapi Ahli itu tidak boleh membawa apa-apa perkara yang menimbulkan perbalahan dan penerangan yang diberikan itu tidak boleh dibahaskan.

## **Occasions when a Member may speak more than once.**

9. (1) No Member may speak more than once to any question except —

(a) in Committee;

(b) in explanation as provided in paragraph (2); or

(c) in the case of the mover of a substantive motion, in reply at the end of a debate thereon; but the mover of an amendment to a motion shall not have a right of reply at the close of a debate on that amendment.

(2) A Member who has spoken to a question may again be heard, if the Speaker so permits, to explain some part of his speech which has been misunderstood; but when so speaking he shall not introduce any new matter.

(3) Any Member may second a motion or amendment by rising in his place and saying “Sir, I beg to second” and this shall not prejudice his right to speak later in the debate on that motion or amendment.

## **Interruptions.**

10. No Member shall interrupt another Member except —

(1) by rising to a point of order, when the Member speaking shall resume his seat and the Member interrupting shall simply direct attention to the point which he desires to bring to notice and submit it to the Speaker or Chairman for decision; or

(2) to elucidate some matter raised by another Member in the course of his speech, provided that the Member speaking is willing to give way and resume his seat.

## **Personal explanation.**

11. With the leave of the Speaker, a Member may make a personal explanation although there is no question before the Council at the time provided in Standing Order 4, but no controversial matter may be brought forward nor may debate arise upon the explanation.

## **Isi kandungan ucapan.**

12. (1) Tiap-tiap Ahli hendaklah menghadkan ucapannya kepada perkara yang dibahaskan.

(2) Ahli itu tidak boleh menyebut dalam ucapannya apa-apa perkara yang telah dibawa ke mahkamah dan yang belum lagi diputuskan oleh mahkamah, jika pada pendapat Yang Di-Pertua atau Pengerusi penyebutannya akan menjejaskan kepentingan pihak-pihak dalam perkara itu.

(3) Adalah menyalahi peraturan mesyuarat jika hendak menimbangkan semula apa-apa perkara yang telah diputuskan oleh Majlis dalam Musim Permesyuaratannya pada masa itu kecuali suatu usul dibuat dengan kebenaran Yang Di-Pertua untuk membatalkan keputusan tersebut.

(4) Adalah menyalahi peraturan mesyuarat jika menggunakan perkataan-perkataan yang menyakiti hati dan menghina mana-mana Ahli Majlis.

(5) Seseorang Ahli tidak boleh membuat sangkaan tidak baik terhadap mana-mana Ahli lain.

(6) Nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen tidak boleh digunakan untuk mempengaruhi Majlis.

(7) Tingkahlaku dan gerak-geri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen, hakim-hakim atau orang lain yang melaksanakan tugas-tugas kehakiman, mana-mana ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau Juruaudit Agung tidak boleh disebut kecuali suatu usul substantif dibuat untuk menyebutkan perkara itu.

## **Skop perbahasan.**

13. (1) Perbahasan berkenaan dengan sebarang usul atau pindaan kepada suatu usul atau atas sebarang Rang Undang-Undang, sebahagian dari suatu Rang Undang-Undang atau pindaan kepada suatu Rang Undang-Undang, hendaklah berkaitan dengan perkara-perkara yang dibahaskan itu.

(2) Apabila pindaan kepada suatu usul atau suatu Rang Undang-Undang mencadangkan untuk meninggalkan beberapa perkataan dan memasukkan atau menambah perkataan-perkataan lain sebagai ganti perkataan-perkataan itu, perbahasan berkenaan dengan perkara hendak meninggalkan beberapa perkataan boleh termasuk perkataan-perkataan yang hendak ditinggalkan dan juga perkataan-perkataan yang dicadangkan hendak dimasukkan atau ditambah.

## **Contents of speeches.**

12. (1) Every Member shall restrict his observations to the subject under discussion.

(2) Reference shall not be made to any matter on which a judicial decision is pending, in such a way as might in the opinion of the Speaker or Chairman prejudice the interests of parties thereto.

(3) It shall be out of order to attempt to reconsider any specific question upon which the Council has taken a decision during the current session except upon a motion to rescind that decision made with the permission of the Speaker.

(4) It shall be out of order to use offensive and insulting language about Members of the Council.

(5) No Member shall impute improper motives to any other Member.

(6) Neither His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's nor Her Britannic Majesty's name shall be used to influence the Council.

(7) The conduct of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, Her Britannic Majesty, judges or other persons performing judicial functions, any member of the Public Service Commission or the State Auditor General shall not be referred to except upon a substantive motion made for that purpose.

## **Scope of debates.**

13. (1) Debate upon any motion or amendment to a motion or upon any Bill, part of a Bill or amendment to a Bill, shall be relevant thereto.

(2) When an amendment to a motion or to a Bill proposes to leave out words and to insert or add other words instead of them, debate upon the question to leave out words may include both the words to be left out and those proposed to be inserted or added.

## **Mendahulukan.**

14. (1) Adalah menyalahi peraturan mesyuarat jika suatu usul atau pertanyaan dibuat berkenaan dengan suatu Rang Undang-Undang dengan maksud supaya Rang Undang-Undang itu dibahaskan dahulu dari masa yang telah ditetapkan untuk membahaskannya oleh Kertas Kerja.

(2) Adalah menyalahi peraturan mesyuarat jika suatu pertanyaan dibuat berkenaan dengan suatu usul substantif dengan maksud supaya usul itu dibahaskan dahulu dari masa yang telah ditetapkan untuk membahaskannya oleh Kertas Kerja.

(3) Dalam menentukan sama ada suatu usul atau pertanyaan itu melanggar perenggan-perenggan (1) dan (2), Yang Di-Pertua atau Pengerusi hendaklah mengambil perhatian kepada kemungkinan Rang Undang-Undang atau usul itu dibahaskan oleh Majlis dalam masa yang munasabah.

## **ATURAN-ATURAN MESYUARAT**

### **Keputusan Yang Di-Pertua atau Pengerusi muktamad.**

15. Yang Di-Pertua dalam Majlis atau Pengerusi dalam Komiti hendaklah bertanggungjawab supaya aturan-aturan mesyuarat dipatuhi oleh semua Ahli dan apa-apa keputusan Yang Di-Pertua atau Pengerusi itu berkenaan dengan aturan-aturan mesyuarat adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan oleh sesiapa.

### **Tingkahlaku Ahli-Ahli yang tidak bercakap.**

16. Dalam masa Majlis bersidang —

(a) semua Ahli hendaklah memasuki tempat bersidang atau keluar darinya dengan bersopan santun;

(b) seseorang Ahli tidak boleh menyeberang dari sebelah ke sebelah tempat bersidang melainkan jika perlu;

(c) Ahli-Ahli tidak boleh membaca suratkhbar, buku, surat atau dokumen lain kecuali perkara yang terkandung di dalamnya ada kaitan langsung dengan perkara yang dibahaskan oleh Majlis; dan

(d) semasa seseorang Ahli bercakap, semua Ahli lain hendaklah diam dan tidak menyampuk percakapan Ahli itu.

## **Anticipation.**

14. (1) It shall be out of order to anticipate the discussion of a Bill standing on the Order Paper by discussing the subject matter of that Bill on a motion or raising it in a question.

(2) It shall be out of order to anticipate the discussion of a substantive motion standing on the Order Paper by raising it in a question.

(3) In determining whether a discussion is out of order on the grounds of anticipation, regard shall be had by the Speaker or Chairman to the probability of the matter anticipated being brought before the Council within a reasonable time.

## **RULES OF ORDER**

### **Decision of Speaker or Chairman final.**

15. The Speaker in Council or the Chairman in Committee shall be responsible for the observance of the rules of order in the Council and Committee respectively and his decision upon any point shall not be open to appeal.

### **Behaviour of Members not speaking.**

16. During a sitting —

(a) all Members shall enter or leave the Council with decorum;

(b) no Member shall cross the floor of the Council unnecessarily;

(c) Members shall not read newspapers, books, letters or other documents except such matter therein, as may be directly connected with the business of the Council; and

(d) while a Member is speaking all other Members shall be silent and shall not make unseemly interruptions.

## **Kelakuan dalam Majlis.**

17. (1) Setelah Yang Di-Pertua atau Pengerusi menarik perhatian Majlis atau Komite kepada kelakuan seseorang Ahli yang tidak mahu berhenti bercakap berkenaan dengan hal yang tidak ada kena-mengena dengan perkara yang dibahaskan atau berulang kali menyebut hujahnya sendiri atau hujah Ahli-ahli lain, maka Yang Di-Pertua atau Pengerusi boleh mengarahkan Ahli itu untuk memberhentikan ucapannya.

(2) Yang Di-Pertua atau Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana Ahli yang berkelakuan terlalu tidak senonoh dan tidak terkawal supaya keluar dengan serta-merta dari Majlis dan jangan menghadiri lagi persidangan pada hari itu; dan apabila perintah tersebut dikeluarkan, Jurutulis hendaklah menjalankannya supaya Ahli yang diperintahkan keluar itu mematuhi.

## **USUL DAN PINDAAN KEPADANYA**

### **Notis usul.**

18. (1) Seseorang Ahli boleh memberi notis secara lisan berkenaan dengan suatu usul pada masa persidangan sedang dijalankan iaitu pada masa yang ditetapkan di bawah Peraturan Mesyuarat 4, tetapi notis yang sedemikian tidak boleh berkuatkuasa selagi belum ditulis, ditandatangani dan diserahkan kepada Jurutulis.

(2) Tiap-tiap usul hendaklah didahului dengan notis selama 14 hari:

Dengan syarat bahawa dengan persetujuan yang nyata daripada Yang Di-Pertua yang diberikan atas alasan bahawa pengenehan notis itu sama ada seluruhnya atau sebahagiannya adalah patut bagi kepentingan awam, maka notis itu boleh diketepikan sama ada seluruhnya atau sebahagiannya.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan (4), Jurutulis hendaklah memasukkan ke dalam Buku Pertanyaan dan Usul tiap-tiap usul atau pindaan yang telah diberi notis kepadanya, sama ada notis itu dikehendaki atau tidak, mengikut susunan yang dahulu diterima hendaklah dimasukkan dahulu, yang kemudian diterima hendaklah dimasukkan kemudian, dan hendaklah memasukkannya ke dalam Kertas Kerja.

(4) Jika Yang Di-Pertua berpendapat bahawa sebarang notis yang diterima oleh Jurutulis melanggar sebarang peruntukan Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini, dia boleh mengarahkan supaya —

(a) notis itu dimasukkan ke dalam Kertas Kerja dengan perubahan-perubahan sebagaimana yang mungkin diarahkan olehnya; atau

## **Conduct in Council.**

17. (1) The Speaker or the Chairman, after having called the attention of the Council or the Committee to the conduct of a Member who persists in irrelevance or tedious repetition either of his own arguments, or of the arguments made by other Members in the debate, may direct him to discontinue his speech.

(2) The Speaker or Chairman shall order any Member whose conduct is grossly disorderly to withdraw immediately from the Council for the remainder of that day's sitting; and the Clerk shall act on such orders as he may receive from the Speaker or Chairman to ensure compliance with this Order.

## **MOTIONS AND AMENDMENTS THERETO**

### **Notice of Motions.**

18. (1) A Member may give oral notice of a motion during a sitting at the time appointed under Standing Order 4, but no notice of a motion shall be effective until it has been reduced to writing, signed and handed to the Clerk.

(2) 14 days notice shall be given of any motion:

Provided that with the express consent of the Speaker given on the ground that the dispensing of notice either wholly or in part is expedient in the public interest, such notice may be dispensed with either wholly or in part.

(3) Subject to the provisions of paragraph (4), the Clerk shall enter in the Question and Motion Book every motion or amendment of which notice is sent to him, whether or not such notice is required, placing them in the order in which they were received, and shall enter them on the Order Paper.

(4) If the Speaker is of opinion that any notice received by the Clerk infringes any of the provisions of these Orders, he may direct —

(a) that it be placed upon the Order Paper with such alterations as he may direct; or

(b) notis itu dikembalikan kepada Ahli yang telah menandatangani, kerana melanggar peraturan mesyuarat.

### **Usul tanpa notis.**

19. Usul-usul yang berikut boleh dikemukakan tanpa notis —

(a) sebarang usul untuk meminda sesuatu perkara yang telah dicadangkan oleh Yang Di-Pertua;

(b) sebarang usul untuk menangguhkan perbahasan;

(c) sebarang usul yang dibuat apabila Majlis bersidang sebagai Komite;

(d) sebarang usul lain yang diperuntukkan sedemikian dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini.

### **Meminda usul.**

20. (1) Sesuatu pindaan mestilah ada kaitan dengan perkara yang dicadangkan itu.

(2) Sesuatu pindaan mestilah tidak membangkitkan apa-apa perkara yang hanya boleh dibangkitkan dengan usul yang tersendiri setelah notis diberikan.

(3) Sesuatu pindaan kepada sesuatu perkara mestilah tidak bertentangan dengan keputusan yang terdahulu dalam perkara itu juga yang telah diputuskan pada peringkat yang sama sebarang Rang Undang-Undang atau perkara.

(4) Sesuatu pindaan mestilah tidak sama maksudnya dengan pindaan yang dicadangkan oleh Ahli lain.

(5) Sesuatu pindaan mestilah tidak berlawanan dengan cadangan asal atau dengan sebarang pindaan kepada cadangan asal itu.

(6) Sesuatu pindaan boleh dicadangkan untuk dipinda.

(7) Sebarang pindaan yang telah dicadangkan dan disokong dalam Majlis atau dicadangkan dalam Komite hendaklah, jika dikehendaki demikian oleh Yang Di-Pertua atau Pengerusi, ditulis oleh pencadang dan diberikan kepada Jurutulis.

(8) Yang Di-Pertua atau Pengerusi hendaklah dia seorang sahaja yang menjadi hakim untuk memutuskan adakah sesuatu pindaan itu boleh diterima atau tidak boleh diterima.

(b) that it be returned to the Member who signed it, as being out of order.

### **Motions without notice.**

19. The following motions may be moved without notice —

(a) any motion by way of amendment to a question already proposed by the Speaker;

(b) any motion for the adjournment of a debate;

(c) any motion made when the Council is in Committee;

(d) any other motion for which it is so provided in these Orders.

### **Amendment of motions.**

20. (1) An amendment must be relevant to the question to which it is proposed.

(2) An amendment must not raise any matter which can only be raised by a distinct motion after notice.

(3) An amendment to a question must not be inconsistent with a previous decision on the same question given at the same stage of any Bill or matter.

(4) An amendment must not be substantially the same as an amendment moved by another Member.

(5) An amendment must not be substantially a direct negative of the original proposition or of any amendment thereto.

(6) To any amendment, an amendment may be moved.

(7) Any amendment moved and seconded in Council or moved in Committee shall, if so required by the Speaker or Chairman, be put into writing by the mover and delivered to the Clerk.

(8) The Speaker or Chairman shall be the sole judge of the admissibility of any amendment.

(9) Sesuatu pindaan kepada sesuatu cadangan hendaklah diundikan dahulu daripada cadangan asal. Jika ada pindaan kepada pindaan yang telah dicadangkan itu, pindaan yang akhir sekali hendaklah diundikan dahulu seolah-olah pindaan itu adalah cadangan asal sehingga sebarang pindaan kepadanya telah diselesaikan.

### **Menyokong usul dan pindaan kepadanya.**

21. (1) Dalam Majlis, Yang Di-Pertua tidak boleh menjemput Ahli-ahli untuk mengundi sesuatu usul atau pindaan jika usul atau pindaan itu tidak disokong.

(2) Dalam Komiti, sesuatu usul atau pindaan tidak dikehendaki untuk disokong.

### **Cara untuk membahaskan usul.**

22. (1) Jika sesuatu pindaan dipersetujui, usul yang asal sebagaimana yang dipinda hendaklah menjadi usul substantif, dan sebarang pindaan lanjut berkenaan dengan mana-mana bahagian usul itu boleh lagi dicadangkan, selagi pindaan itu sesuai dengan perkara yang dibahaskan dan tiada sama maksudnya dengan pindaan yang telah ditolak.

(2) Setelah undian ke atas tiap-tiap pindaan yang berikutnya dibuat, cadangan sebagaimana yang dipinda hendaklah diundi dan, jika dipersetujui, akan menjadi ketetapan.

### **Mengundi.**

23. (1) Perbahasan lanjut tidak boleh dijalankan setelah perkara yang hendak diundikan itu diketengahkan oleh Yang Di-Pertua atau Pengerusi.

(2) Sesuatu perkara itu diketengahkan sepenuhnya apabila Yang Di-Pertua atau Pengerusi telah selesai mengira suara Ahli yang mengatakan Bersetuju dan juga suara Ahli yang mengatakan Tidak Bersetuju.

(3) Apabila perkara itu telah diketengahkan oleh Yang Di-Pertua atau Pengerusi, undian hendaklah dilakukan dengan suara yang mengatakan Bersetuju dan Tidak Bersetuju dan, kecuali jika ada Ahli yang berkehendakkan undian itu ditulis, maka keputusan undian itu hendaklah dinyatakan oleh Yang Di-Pertua atau Pengerusi.

(9) An amendment to a proposition shall be put before the original proposition. If an amendment is moved to a proposed amendment, the last-mentioned amendment shall be dealt with as if it were the original question until any amendment to it has been resolved.

### **Seconding of motions and amendments thereto.**

21. (1) In the Council the question upon a motion or amendment shall not be proposed by the Speaker unless such motion or amendment has been seconded.

(2) In a Committee a seconder shall not be required.

### **Manner of debating motions.**

22. (1) If an amendment be carried, the original motion as amended shall become the substantive motion, whereupon any further amendment relating to any portion of the motion may be moved, so long as it is consistent with the business and has not been covered by an amendment which has been previously rejected.

(2) After the vote on each succeeding amendment has been taken, the proposition as amended shall be put to the vote and, if carried, shall become a resolution.

### **Collection of voices.**

23. (1) No further debate shall take place after the question has been put by the Speaker or Chairman.

(2) A question is fully put, when the Speaker or Chairman has collected the voices both of the Ayes and of the Noes.

(3) When the question has been put the votes shall be taken by voices Aye and No and provided that no Member then claims a division the result shall be declared by the Speaker or Chairman.

## **Undi bertulis.**

24. Mana-mana Ahli boleh menghendaki supaya undian dilakukan secara bertulis. Jika dilakukan sedemikian, tiap-tiap Ahli yang hadir, kecuali jika tidak mahu mengundi, apabila namanya dipanggil hendaklah mengundi dengan mengatakan “bersetuju” atau “tidak bersetuju” atau dengan mengatakan bahawa dia tidak mahu mengundi dan setiap undian itu hendaklah direkodkan oleh Jurutulis. Yang Di-Pertua atau Pengerusi hendaklah kemudiannya menyatakan bilangan Ahli yang bersetuju dan bilangan Ahli yang tidak bersetuju terhadap usul itu dan sekiranya undian itu sama banyaknya, maka Yang Di-Pertua atau Pengerusi hendaklah menggunakan undi pemutus.

## **Komiti.**

25. (1) Melainkan jika usul untuk melantik Komiti mengandungi apa-apa jua yang berlawanan —

(a) jika sesuatu Komiti itu, bukannya Komiti Majlis kesemuanya, mengandungi tidak lebih daripada 4 orang Ahli, 2 orang Ahli hendaklah membentuk korum;

(b) jika sesuatu Komiti itu, bukannya Komiti Majlis kesemuanya, mengandungi lebih daripada 4 tetapi kurang daripada 8 orang Ahli, 3 orang Ahli hendaklah membentuk korum; dan

(c) jika sesuatu Komiti itu, bukannya Komiti Majlis kesemuanya, mengandungi 8 orang Ahli atau lebih, 5 orang Ahli hendaklah membentuk korum.

(2) Melainkan jika usul untuk melantik Komiti mengandungi apa-apa jua yang berlawanan, Pengerusi sesuatu Komiti akan dilantik oleh Yang Di-Pertua.

25A. [S 81/66] *Digantung.*

[S 20/05]

## **Rekod dan kertas Majlis.**

26. (1) Semua rekod Majlis, dan semua kertas yang hendak dibentangkan di hadapan Majlis, hendaklah disimpan oleh Jurutulis, yang akan bertanggungjawab untuk menjaganya dengan selamat dan hendaklah menyediakan semua kertas tersebut untuk dikemukakan di hadapan Majlis apabila dikehendaki oleh mana-mana Ahli.

## **Divisions.**

24. Any Member may require that the votes be taken by Division, in which case every Member present except those abstaining, shall upon his name being called give his vote by saying "aye" or "no" or by stating that he abstains from voting and the Clerk shall record each vote. The Speaker or Chairman shall then declare the number of votes for and against the motion and in the event of an equality of votes, shall give his casting vote.

## **Committees.**

25. (1) Unless the motion for the appointment of the Committee contains anything to the contrary —

(a) when a Committee, not being a Committee of the whole Council, consists of not more than 4 members, 2 members shall form a quorum;

(b) when a Committee, not being a Committee of the whole Council, consists of more than 4 but less than 8 members, 3 members shall form a quorum; and

(c) when a Committee, not being a Committee of the whole Council, consists of 8 or more members, 5 members shall form a quorum.

(2) Unless the motion for the appointment of the Committee contains anything to the contrary, the Chairman of a Committee shall be nominated by the Speaker.

25A. [S 81/66] *Suspended.*

[S 20/05]

## **Records and papers of the Council.**

26. (1) All records of the Council, and all papers to be laid before the Council, shall be deposited with the Clerk, who shall be responsible for the safe custody thereof and shall have all such papers ready to be produced before the Council whenever the same may be required by any Member.

(2) Semua kertas tersebut hendaklah pada setiap masa yang munasabah terbuka untuk pemeriksaan dan pembacaan mana-mana Ahli.

### **Bacaan pertama Rang Undang-Undang.**

27. (1) Ahli yang mencadangkan supaya sebarang Rang Undang-Undang dikemukakan hendaklah membaca gelaran panjang Rang Undang-Undang itu dan Rang Undang-Undang itu hendaklah kemudiannya dianggap telah dibaca bagi kali pertamanya.

(2) Pada masa Rang Undang-Undang itu dicadangkan supaya dibaca bagi kali pertamanya, tiada apa-apa perbahasan boleh dilakukan.

(3) Setelah Rang Undang-Undang itu dibaca bagi kali pertamanya, Ahli yang mencadangkan supaya Rang Undang-Undang itu dikemukakan hendaklah memberi notis mengenai hari Rang Undang-Undang itu akan dibaca bagi kali keduanya.

### **Bacaan kedua Rang Undang-Undang.**

28. (1) Apabila suatu usul bagi bacaan kedua suatu Rang Undang-Undang telah dibuat dan disokong, Yang Di-Pertua hendaklah mencadangkan kepada mesyuarat, "Bahawa Rang Undang-Undang ini sekarang dibaca bagi kali keduanya".

(2) Setelah itu, perbahasan boleh dilakukan hanya atas asas dan buruk baiknya Rang Undang-Undang itu dan, jika bacaan kedua itu dipersetujui, Majlis hendaklah, sama ada pada masa itu juga atau pada masa yang akan dipersetujui, dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 30, menjadikan dirinya sebagai suatu Komiti Majlis kesemuanya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang itu.

### **Komiti Majlis kesemuanya.**

29. (1) Apabila Majlis menjadikan dirinya sebagai suatu Komiti Majlis kesemuanya bagi menimbangkan suatu Rang Undang-Undang, maka Jurutulis hendaklah menyebut nombor tiap-tiap fasal dan jadual Rang Undang-Undang itu satu persatu menurut susunannya; dan Komiti itu hendaklah kemudiannya memutuskan Rang Undang-Undang itu dengan memersetujui atau meminda tiap-tiap fasal atau jadual, sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut.

(2) Dalam menimbangkan suatu Rang Undang-Undang dalam Komiti, mana-mana Ahli boleh mencadangkan sesuatu pindaan atau, tanpa mencadangkan sesuatu pindaan, boleh meminta maklumat berkenaan dengan mana-mana bahagian Rang Undang-Undang itu atau mana-mana pindaan yang dicadangkan.

(2) All such papers shall be at all reasonable times open to the inspection and perusal of any Member.

### **First reading of Bills.**

27. (1) The Member moving the introduction of any Bill shall read the long title of such Bill and the Bill shall then be deemed to have been read a first time.

(2) Upon such motion no debate shall take place.

(3) After the Bill has been read a first time, the Member moving the introduction of such Bill shall give notice of the day on which the second reading will be moved.

### **Second reading of Bills.**

28. (1) When a motion for second reading of a Bill has been made and seconded, the Speaker shall propose the question, "That this Bill be now read a second time".

(2) Upon such question, a debate may be taken only upon the general merits and principles of the Bill and, if such reading be assented to, the Council shall, either forthwith or at a time to be agreed upon, and subject to the provisions of Standing Order 30, resolve itself into a Committee of the whole Council on the Bill.

### **Committee of the whole Council.**

29. (1) When the Council resolves itself into a Committee of the whole Council on a Bill the Clerk shall call the number of each clause and schedule in succession; and the Committee shall then settle the Bill by agreeing to or amending each clause or schedule, as it may think fit.

(2) In settling a Bill in Committee, any Member may move an amendment or, without moving an amendment, may ask for information respecting any part of the Bill or any proposed amendment.

(3) Setelah selesai persidangan Komite berkenaan dengan suatu Rang Undang-Undang, Ahli yang mengemukakan Rang Undang-Undang itu boleh mencadangkan “Bahawa Rang Undang-Undang itu [sebagaimana yang telah dipinda] dibawa kepada pengetahuan Majlis”, dan cadangan itu hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

(4) Apabila Komite itu telah dibubarkan dan persidangan telah menjadi persidangan Majlis kesemuanya, maka hendaklah diberitahu kepada Majlis bahawa Rang Undang-Undang itu telah dipertimbangkan dalam Komite, dan telah dipinda atau dipersetujui tanpa pindaan, mengikut mana yang berkenaan.

### **Komiti Terpilih.**

30. (1) Majlis boleh atas usul yang dibuat dan dipersetujui memutuskan untuk merujuk suatu Rang Undang-Undang atau sebarang perkara di hadapan Majlis kepada Komite Terpilih. Rujukan tersebut boleh dalam hal suatu Rang Undang-Undang dibuat pada sebarang peringkat sebelum Rang Undang-Undang itu dirujuk kepada Komite Majlis kesemuanya.

(2) Penyata yang dibuat oleh Komite Terpilih berkenaan dengan suatu Rang Undang-Undang, atau sebarang perkara lain yang dirujuk kepada Komite Terpilih, hendaklah dibentangkan di hadapan Majlis oleh Pengerusi Komite Terpilih itu.

(3) Sebelum membawa suatu Rang Undang-Undang kepada pengetahuan Majlis, Komite Terpilih hendaklah menimbang Rujukan Rang Undang-Undang itu dengan cara yang dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat 29.

(4) Apabila suatu Rang Undang-Undang telah dipinda dalam Komite Terpilih, kesemua kandungan Rang Undang-Undang itu sebagaimana yang dipinda hendaklah, jika boleh, dicetak sebagai sebahagian dari penyata Komite Terpilih itu; tetapi jika tidak boleh, kandungan tiap-tiap fasal atau jadual yang telah dipinda dan tiap-tiap fasal baru atau jadual baru yang ditambah hendaklah dicetak sedemikian.

(5) Jika suatu Rang Undang-Undang telah diberitahu kepada Majlis oleh Komite Terpilih, maka Majlis hendaklah menimbang Rujukan Rang Undang-Undang itu sebagaimana yang diberitahu oleh Komite Terpilih atas suatu usul “Bahawa penyata Komite Terpilih itu hendaklah dipersetujui”.

(6) Jika usul itu dipersetujui tanpa pindaan, maka Majlis hendaklah membaca Rang Undang-Undang itu bagi kali ketiganya sebagaimana yang telah diberitahu oleh Komite Terpilih.

(3) At the conclusion of the proceedings in Committee on a Bill, the Member in charge of the Bill may move "That the Bill [as amended] be reported to the Council", and the question thereon shall be decided without amendment or debate.

(4) Upon resumption, it shall be reported to the Council, that the Bill has been considered in Committee, and has been amended or agreed to without amendment, as the case may be.

### **Select Committee.**

**30.** (1) The Council may on motion made and agreed decide to refer a Bill or any matter before Council to a Select Committee. Such reference may in the case of a Bill be made at any stage before the Bill has been referred to a Committee of the whole Council.

(2) The report of a Select Committee on a Bill, or on any other matter referred to a Select Committee, shall be laid on the table by the Chairman of the Select Committee.

(3) Before reporting a Bill to the Council the Select Committee shall go through the Bill in the manner required by Standing Order 29.

(4) When a Bill has been amended in a Select Committee, the whole text of the Bill as amended shall, if practicable, be printed as part of the report of the Select Committee; but if this is not practicable, the text of every clause or schedule amended and of every new clause or new schedule added shall be so printed.

(5) Where a Bill has been reported from a Select Committee, the Council shall proceed to consider the Bill as reported from the Select Committee upon a motion "That the report of the Select Committee be approved".

(6) If that motion is agreed to without amendment, the Council may proceed to the third reading of the Bill as reported from the Select Committee.

(7) Atas suatu usul untuk mempersetujui penyata Komite Terpilih berkenaan dengan suatu Rang Undang-Undang, mana-mana Ahli boleh mencadangkan supaya usul itu dipinda dengan menambah pada hujungnya, perkataan-perkataan “dengan syarat Rang Undang-Undang itu (sama ada seluruhnya atau hanya berkaitan dengan sesuatu bahagian atau bahagian-bahagian tertentu sahaja tentang sesuatu fasal baru atau jadual baru yang dicadangkan) diedarkan balik kepada Komite Majlis kesemuanya untuk dipertimbangkan”, dan jika usul itu dipersetujui dengan pindaan tersebut, Rang Undang-Undang itu hendaklah diedarkan balik kepada Majlis, dan Majlis hendaklah menjadikan dirinya sebagai suatu Komite untuk menimbangkannya.

(8) Apabila penyata Komite Terpilih berkenaan dengan sebarang perkara selain dari suatu Rang Undang-Undang telah dibentangkan di hadapan Majlis, adalah terbuka kepada mana-mana Ahli untuk mencadangkan supaya Majlis bertindak sebagaimana yang tersebut dalam usul itu. Jika usul itu dipersetujui maka Majlis hendaklah bertindak sedemikian tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini.

(9) Jika mana-mana Ahli Komite Terpilih telah meninggal dunia, tidak berdaya atau tidak berada di Negara Brunei Darussalam, maka Yang Di-Pertua boleh dari masa ke semasa melantik Ahli Majlis yang lain bagi menggantikan Ahli itu.

### **Bacaan ketiga Rang Undang-Undang.**

31. (1) Apabila suatu Rang Undang-Undang telah diberitahu kepada Majlis sebagaimana yang dipersetujui dengan atau tanpa pindaan, Rang Undang-Undang itu boleh diedarkan balik kepada Komite untuk dipinda lagi. Jika tidak diperbuat sedemikian itu, maka Ahli yang mengemukakan Rang Undang-Undang itu hendaklah mencadangkan “Bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah sekarang dibaca bagi kali ketiganya dan diluluskan”, atau memberi notis mengenai hari usul itu akan dicadangkan.

(2) Apabila suatu usul untuk meluluskan suatu Rang Undang-Undang telah dipersetujui, maka Jurutulis hendaklah menulis di hujung Rang Undang-Undang itu perkataan-perkataan, “Diluluskan pada hari ini”, dengan menyebutkan tarikhnya.

(3) Jurutulis hendaklah kemudiannya memberikan Rang Undang-Undang itu kepada Yang Di-Pertua dan Yang Di-Pertua hendaklah menyembahkan Rang Undang-Undang itu bagi mendapatkan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan dibubuh dengan Mohor Kerajaan.

(7) Upon a motion to approve the report of a Select Committee on a Bill, any Member may propose an amendment to add, at the end of the motion, the words “subject to the recommittal of the Bill (either wholly or in respect only of some particular part or parts on some proposed new clause or new schedule) to a Committee of the whole Council”, and if that motion is agreed to with such an amendment, the Bill shall stand so recommitted, and the Council shall resolve itself into a Committee to consider it.

(8) When the report of a Select Committee on any matter other than a Bill has been laid on the table, it shall be open to any Member to move that the Council shall proceed in a particular manner and if such motion is agreed to, the Council shall, subject to the provisions of these Standing Orders, so proceed.

(9) The Speaker may from time to time in the case of the death, incapacity or absence from Brunei Darussalam of any Member of a Select Committee, appoint another Member of Council in his place.

### **Third reading of Bills.**

31. (1) When a Bill has been reported to the Council as agreed to with or without amendment it may be recommitted for further amendment but, subject as aforesaid, the Member in charge of the Bill shall either move “That this Bill be now read a third time and do pass”, or give notice of a day on which such motion shall be moved.

(2) When a motion for the passing of a Bill has been carried, the Clerk shall write at the end of the Bill the words, “Passed this day”, giving the date.

(3) The Clerk shall then present the Bill to the Speaker for the assent of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan and the affixing of the State Seal.

## **Penyiaran Akta.**

32. (1) Apabila suatu Rang Undang-Undang telah diluluskan dan diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, maka Rang Undang-Undang itu hendaklah disiarkan dengan seberapa segera yang boleh dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Pada bila-bila masa sebelum Rang Undang-Undang itu disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, Peguam Negara boleh membetulkan kesilapan nahu dan tipografi dalam Rang Undang-Undang itu, dan bagi maksud itu boleh membuat tambahan, peninggalan dan perubahan, asalkan maknanya tidak berubah.

## **Hak diri sendiri.**

33. (1) Jika suatu Rang Undang-Undang menyentuh hak diri sendiri, dan mana-mana orang yang haknya tersentuh itu memohon dengan petisyen supaya orang itu dibenarkan untuk memberi keterangan dan meminta saksi-saksi untuk diambil keterangan mereka berkenaan dengan kandungan Rang Undang-Undang itu, mana-mana Ahli boleh mencadangkan suatu ketetapan supaya penghantar petisyen itu dibenarkan memberi keterangan di hadapan Majlis atau Komite Terpilih.

(2) Apabila mana-mana saksi dikehendaki memberi keterangan, maka Ahli atau penghantar petisyen itu yang berkehendakkan saksi-saksi tersebut hendaklah memberi kepada Jurutulis satu senarai yang mengandungi nama dan alamat saksi-saksi tersebut sebelum hari yang ditetapkan untuk mengambil keterangan; dan keterangan tiap-tiap saksi itu hendaklah ditulis oleh Jurutulis dan ditandatangani oleh saksi itu.

(3) Majlis atau Komite boleh atas budibicaranya enggan mendengar sebarang keterangan yang tidak berkaitan atau mana-mana saksi yang biadap atau degil.

## **Prosedur untuk mengemukakan Petisyen.**

34. (1) Tiap-tiap Petisyen yang dicadangkan hendak dikemukakan kepada Majlis mestilah disudahi dengan permohonan yang menyatakan tujuan penghantar Petisyen itu pada amnya.

(2) Majlis tidak boleh menerima sebarang Petisyen —

(a) yang tidak dialamatkan kepada Majlis dan tidak ditulis mengikut aturan surat-surat beradat iaitu betul susunan percakapannya dan tertib adab perkataannya;

### **Publication of Acts.**

32. (1) When a Bill has been passed and assented to by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan it shall as soon as possible be published in the *Gazette*.

(2) At any time before such publication, the Attorney General may correct grammatical and typographical mistakes therein, and for that purpose may make verbal additions, omissions and alterations not affecting the meaning of any section.

### **Private rights.**

33. (1) If a Bill peculiarly affects private interests, and any person whose interests are so affected applies by petition to be heard and to have witnesses examined upon the subject of the Bill, any Member may move a resolution to allow the petitioner to be so heard before the Council or a Select Committee thereof.

(2) When it is intended to examine any witnesses, the Member or the petitioner requiring such witnesses shall give to the Clerk a list containing their names and addresses, before the day appointed for their examination; and, on his examination, the evidence of every such witness shall be taken down by the Clerk and signed by the witness.

(3) The Council or a Committee may at its discretion refuse to hear any irrelevant evidence or any recalcitrant witness.

### **Procedure on presentation of Petitions.**

34. (1) Every Petition intended to be presented to the Council must conclude with a prayer setting forth the general object of the Petitioner.

(2) The Council shall not receive any Petition —

(a) which is not addressed to the Council and which is not properly and respectfully worded;

(b) yang tidak ada sekurang-kurangnya satu tandatangan pada mukasurat yang mengandungi permohonan Petisyen itu dan yang tidak ada sekurang-kurangnya permohonan atau ringkasan permohonan itu pada kepala tiap-tiap mukasurat berikutnya yang mengandungi tandatangan orang;

(c) yang memohonkan wang negara atau melepaskan hutang kepada dana Kerajaan melainkan jika telah mendapat sokongan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

(d) yang tidak menepati aturan-aturan sebagaimana yang mungkin ditetapkan dari masa ke semasa.

(3) Suatu Petisyen tidak boleh dikemukakan kepada Majlis melainkan jika Petisyen itu telah disahkan oleh Jurutulis sebagai menurut aturan-aturan yang berkuatkuasa pada masa itu berhubung dengan Petisyen.

(4) Ahli yang mengemukakan suatu Petisyen boleh mencadangkan supaya Petisyen itu dibacakan dan, dalam membuat usul itu, mestilah menghadkan supaya dia memberi penerangan yang ringkas mengenai orang-orang yang menghantar Petisyen itu, bilangan orang yang menandatangani Petisyen itu, tuduhan-tuduhan penting yang terkandung di dalamnya, dan tujuan permohonan Petisyen itu. Jika usul itu disokong dan diluluskan oleh mesyuarat, maka Jurutulis hendaklah membacakan Petisyen itu.

(5) Semua Petisyen hendaklah diperintahkan untuk dibentangkan di hadapan Majlis tanpa diketengahkan kepada mesyuarat, melainkan jika Ahli yang mengemukakan Petisyen itu mencadangkannya untuk dibaca atau diedarkan kepada Komite Terpilih atau Komite lain.

(6) Apabila sesuatu Petisyen itu diedarkan kepada Komite Terpilih atau Komite lain, semua orang yang hak atau kepentingan individunya tersentuh oleh apa-apa tindakan yang dicadangkan atau oleh Rang Undang-Undang yang disebutkan dalam Petisyen itu boleh memberi keterangan kepada Komite itu, sama ada sendiri atau, atas budibicara Komite itu, melalui Peguam.

### **Penangguhan.**

35. (1) Pada hari terakhir mana-mana mesyuarat, usul untuk menangguhkan mesyuarat Majlis tidak boleh dicadangkan sehingga semua urusan yang tertulis dalam Kertas Kerja telah selesai. Usul tersebut hendaklah dicadangkan oleh seorang Ahli Rasmi Kerana Jawatan.

(b) which has not at least one signature on the sheet on, which the prayer of the Petition appears and which has not at least the prayer or a summary thereof at the head of each subsequent sheet of signatures;

(c) which asks for a grant of public money or the release of a debt to the public funds unless the recommendation of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan thereto has been signified;

(d) which does not conform with such rules as may from time to time be prescribed.

(3) A Petition shall not be presented to the Council unless it shall have been endorsed by the Clerk as being in accordance with the rules then in force in regard to Petitions.

(4) The Member presenting a Petition may move that such Petition be read and, in making such motion, must confine himself to a brief statement of the persons from whom the Petition comes, of the number of signatures attached thereto, of the material allegations contained therein, and of the purport of the prayer of the Petition. If such motion is seconded and carried, the Clerk shall read the Petition.

(5) All Petitions shall be ordered to lie upon the table of the Council without question put, unless a Member when presenting a Petition moves for it to be read or referred to a Select or other Committee.

(6) When any Petition is referred to a Select or other Committee, all persons whose individual rights or interests are peculiarly affected by any proposed action or Bill to which the Petition relates may be heard by the Committee, either in person or, at the discretion of the Committee, by Counsel.

### **Adjournment.**

**35.** (1) On the last day of any meeting no motion for the adjournment of the Council shall be moved until all the business on the Order Paper has been concluded, when such a motion shall be moved by an *ex-officio* Member.

(2) Apabila suatu usul untuk menanggukkan mesyuarat Majlis telah dicadangkan di bawah perenggan (1), mana-mana Ahli, selain daripada Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri atau Ahli yang memegang jawatan Kerajaan, boleh membangkitkan sebarang perkara yang menjadi tanggungjawab Kerajaan, jika dia telah mendapat kebenaran untuk berbuat demikian dan, apabila dia telah selesai bercakap, Ahli yang bertanggungjawab terhadap perkara yang dibangkitkan itu, boleh menjawab tentang perkara itu.

(3) Mana-mana Ahli yang ingin membangkitkan sesuatu perkara di bawah peruntukan-peruntukan perenggan (2) boleh memberi notis secara lisan mengenai niatnya itu di hadapan Majlis, tetapi dalam sebarang hal dia hendaklah memberi notis mengenai perkara itu secara bertulis kepada Yang Di-Pertua tidak kurang dari 48 jam sebelum dia hendak bercakap; dengan syarat bahawa Yang Di-Pertua boleh atas budibicaranya mengecualikan mana-mana Ahli dari memberi notis itu.

(4) Masa yang diberikan kepada tiap-tiap Ahli yang membangkitkan sesuatu perkara atau menjawabnya di bawah peruntukan-peruntukan perenggan (2) adalah 10 minit tetapi Yang Di-Pertua berkuasa membenarkan Ahli itu bercakap lebih lama lagi.

## **RAMPAIAN**

### **Orang ramai dan wakil-wakil akhbar hendaklah dibenarkan masuk.**

36. Orang ramai dan wakil-wakil akhbar hendaklah dibenarkan masuk untuk mendengar perbahasan-perbahasan dalam Majlis di bawah aturan-aturan yang diperbuat dari masa ke semasa oleh Yang Di-Pertua. Jurutulis hendaklah memastikan supaya semua aturan tersebut dipatuhi.

### **Orang-orang yang bukan Ahli boleh diperintahkan keluar.**

37. (1) Mana-mana Ahli boleh, tanpa memberi notis, pada bila-bila masa bangun dan mencadangkan “Bahawa orang-orang yang bukan Ahli diperintahkan keluar”, dan jika usul itu disokong, Yang Di-Pertua atau Pengerusi hendaklah mengetengahkannya kepada mesyuarat dengan serta-merta tanpa pindaan atau perbahasan.

(2) Yang Di-Pertua atau Pengerusi boleh pada bila-bila masa memerintahkan supaya orang-orang yang bukan Ahli keluar dan pintu Dewan Mesyuarat ditutup.

(3) Jurutulis hendaklah memastikan supaya sebarang perintah untuk menyuruh orang-orang yang bukan Ahli keluar telah dipatuhi.

(2) Upon a motion moved under paragraph (1) of this Order any Member, other than a Member of the Council of Ministers or a Member who is a public officer, who has obtained the right so to do may raise any matter for which the Government is responsible and, when he has concluded his speech, the Member with whom responsibility for the matter raised lies, may reply.

(3) Any Member who wishes to raise a matter under the provisions of paragraph (2) may give oral notice of his intention in the Council, but shall in any case give notice of the matter in writing to the Speaker not less than 48 hours before the sitting at which he wishes to do so; provided that the Speaker may in his discretion dispense with such notice.

(4) The time allotted to each Member raising a matter or replying under the provisions of paragraph (2) shall be 10 minutes or such further time as the Speaker may in any particular case allot.

## MISCELLANEOUS

### **Admission of public and press.**

36. Members of the public and of the Press shall be admitted to debates in the Council under such rules as the Speaker may make from time to time. The Clerk shall ensure that all such rules are complied with.

### **Withdrawal of strangers.**

37. (1) Any Member may, without notice, at any time rise and move "That strangers do withdraw", and if that motion is seconded, the Speaker or Chairman shall put the question thereon forthwith without amendment or debate.

(2) The Speaker or Chairman may at any time order strangers to withdraw and the doors of the Council Chamber to be closed.

(3) The Clerk shall ensure that any order for the withdrawal of strangers is duly complied with.

**Perkara-perkara yang tidak diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat.**

38. Jika sebarang perkara mesyuarat atau prosedur tidak ditetapkan dalam Perlembagaan atau dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini, maka amalan dan prosedur Dewan Rakyat Parlimen United Kingdom hendaklah seboleh-bolehnya diikuti.

**Matters not provided for in Standing Orders.**

38. If any question of order or procedure is not prescribed for in the Constitution or in these Standing Orders, the practice and procedure of the Commons House of Parliament of the United Kingdom shall as nearly as circumstances may permit be followed.